

07/10/1998

Kempen kesedaran IT peringkat Negeri Pahang

JABATAN Penerangan Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang dan akhbar Berita Harian akan menganjurkan Kempen Kesedaran IT Peringkat Negeri Pahang di Berjaya Megamall, Kuantan 16 - 18 Oktober depan.

Kempen berbentuk pendidikan ini adalah yang ketujuh dalam siri kempen Kesedaran IT ke seluruh negara yang telah dianjurkan oleh jabatan Penerangan Malaysia sejak tahun lalu.

Selepas Pelancaran Peringkat Kebangsaan yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Angkasapuri pada 11 Oktober tahun lepas, kempen peringkat negeri telah diadakan di Selangor, Kedah, Perak, Johor, Melaka dan Pulau Pinang.

Pelancaran kempen di Pahang akan dilakukan oleh Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakob pada 16 Oktober jam 3.00 petang di ruang legar Megamall.

Dijangka 40 peserta terdiri daripada agensi kerajaan, Institut Pengajian Tinggi dan sektor swasta akan mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

Tema pameran "IT Budaya Hidup Kita" akan mempamerkan pelbagai sistem dan perisian IT, Internet dan multimedia untuk pendedahan dan pendidikan kepada orang ramai. Antara pihak yang akan mengambil bahagian ialah Mimos, Mastic, UKM, UTM, Pikom, JPJ Pahang, Telekom Malaysia dan Jabatan Polis Pahang.

Keseluruhan sistem dan perisian yang dipamerkan bernilai hampir RM1 juta. Kempen tiga hari mulai 10 pagi hingga 10 malam itu akan dipenuhi dengan pelbagai acara IT seperti seminar, kuiz dan pameran.

Pengunjung akan berpeluang mendapatkan maklumat lebih jelas mengenai Agenda IT Negara serta menyaksikan kemajuan terkini teknologi maklumat melalui produk, penerangan dan tayangan video yang akan disampaikan oleh peserta pameran.

Maklumat dan nasihat secara hands-on mengenai Y2K yang sedang dihadapi oleh pengguna dan industri IT boleh juga didapati dari kumpulan Projek Y2K Negara yang akan turut serta dalam pameran itu.

Orang ramai dijemput mengunjungi pameran ini dan mencuba guna komputer dan sistem yang dipamerkan.

(END)